| TERMA DAN SYARAT | TERMS AND CONDITIONS |
|---|---|
| Terma dan Syarat<br>Kempen  Bank Islam GoCash<br>(Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard)<br>**"1 November 2021– 28 Februari 2022"** | Terms and Conditions<br>Bank Islam GoCash Campaign<br>(Bank Islam Mastercard Credit Card-i)<br>**"1 November 2021– 28 February 2022"** |
| **Tempoh Kempen**<br><br>1. Bank Islam Malaysia Berhad **("Bank Islam")** menganjurkan **Kempen GoCash** bermula dari **1 November 2021– 28 Februari 2022 ("Tempoh Kempen")**. Bank Islam dirujuk sebagai **("Pihak Penganjur")**.<br><br>2. Bank Islam berhak menukar, meminda atau melanjutkan Tempoh Kempen sekiranya perlu. | **Campaign Period**<br><br>1. Bank Islam Malaysia Berhad **("Bank Islam")** is organizing **GoCash Camapign** from **1 November 2021– 28 February 2022 ("Campaign Period")**. Bank Islam is referred to as **("Organizer")**.<br><br>2. Bank Islam reserves its right to change, vary or extend the Campaign Period if necessary. |
| **Kelayakan**<br><br>3. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Kad-i Utama Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard (Ahli Kad-i) terpilih yang menerima tawaran daripada Bank Islam melalui notifikasi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), emel atau panggilan telefon<br><br>4. Golongan individu berikut **tidak layak** untuk menyertai Kempen ini:<br><br>a. Ahli Kad-i yang membatalkan Kad Kredit-i Bank Islam dalam Tempoh Kempen; atau<br><br>b. Ahli Kad-i yang menutup semua akaun Kad Kredit-i Bank Islam dalam Tempoh Kempen atau selepas Tempoh Kempen<br><br>**Mekanisma Kempen**<br><br>5. Ahli Kad-i mestilah memohon Bank Islam GoCash dengan jumlah minimum sebanyak RM1,000 dan ke atas<br><br>6. Terhad kepada 300 Ahli Kad-i pertama<br><br>7. Ahli Kad-i yang layak akan menerima jaminan hadiah iaitu mata ganjaran TruPoints  berjumlah 13,250  iaitu bersamaan dengan RM50 e voucher  dan boleh ditebus di laman sesawang Bank Islam TruRewards satu (1) bulan selepas kempen tamat.<br><br>8. Ahli Kad-i hanya layak untuk menerima satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>**Program GoCash**<br><br>9. Setiap permohonan daripada Ahli Kad-i untuk Program GoCash mestilah dilakukan melalui Laman Sesawang Bank Islam di https://vao.bankislam.com.my/BIC/ .<br><br>10. Ahli Kad-i boleh merujuk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Program  GoCash untuk maklumat lanjut di Laman Sesawang Bank Islam (https://www.bankislam.com/wp-content/uploads/TC-Bank-Islam-GoCash-Program-1.pdf) | **Eligibility**<br><br>3. The Campaign is open to all selected Principal Cardholders of Bank Islam Mastercard Credit Card-i (Cardmember) who received invitation via  Short Messages Services (SMS),email notification or phone call from Bank Islam<br><br>4. The following categories of individual shall **not be eligible** to participate in the Campaign:<br><br>a. Cardmember who cancel his/her Bank Islam Credit Card-i within the Campaign Period; or<br><br>b. Cardmember who close all his/her Bank Islam Credit Card-i accounts within Campaign Period or after Campaign Period<br><br>**Campaign Mechanic**<br><br>5. Cardmembers must apply for Bank Islam GoCash with minimum amount of RM1,000 and above.<br><br>6. Limited to the first 300 cardmembers.<br><br>7. Eligible cardmembers will get guaranteed gift of TruPoints 13,250  which equivalent to RM50 e voucher and can be redeemed via Bank Islam TruRewards website one (1) month after the campaign ended.<br><br>8. Cardmembers  are only entitled one (1) prize during the Campaign Period.<br><br>**GoCash Program**<br><br>9. Every application by the Cardmembers for GoCash Program must be made thru Bank Islam Corporate website at https://vao.bankislam.com.my/BIC/ .<br><br>10. Cardmembers can refer to the GoCash Terms and Conditions for more information at Bank Islam Website (https://www.bankislam.com/wp-content/uploads/TC-Bank-Islam-GoCash-Program-1.pdf) |

11. Contoh Kelayakan Ahli Kad-i untuk ilustrasi:-

| PELANGGAN TRANSAKSI / AKTIVITI | STATUS KELAYAKAN |
|---|---|
| **En Mohan**<br><br>**03/11/2021**<br>En Mohan menerima notifikasi melalui SMS dari Bank Islam untuk **Kempen Bank Islam GoCash**<br><br>**10/11/2021**<br>Beliau memohon GoCash berjumlah RM3,500 dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard beliau.<br><br>**15/01/2022**<br>Beliau memohon lagi GoCash berjumlah RM2,000 dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard beliau. | Beliau layak untuk mendapat TruPoints 13,250 untuk transaksi yang pertama sekiranya beliau merupakan 300 Ahli Kad-i pertama yang memenuhi Mekanisma Kempen sepanjang Tempoh Kempen. |
| **Cik Zeenia**<br><br>**03/12/2021**<br>Cik Zeenia menerima notifikasi melalui emel dari Bank Islam untuk **Kempen Bank Islam GoCash.**<br><br>**09/12/2021**<br>Beliau memohon GoCash berjumlah RM8,000 dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Visa beliau.<br><br>**16/12/2021**<br>Beliau memohon lagi GoCash berjumlah RM2,000 dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard beliau. | Beliau layak untuk mendapat TruPoints 13,250 untuk transaksi yang kedua sekiranya beliau merupakan 300 Ahli Kad-i pertama yang memenuhi Mekanisma Kempen sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>***Nota:***<br>***Beliau tidak layak untuk transaksi pertama kerana kempen ini untuk Ahli Kad Mastercard sahaja*** |
| **En Iklim**<br><br>**03/11/2021**<br>En Iklim menerima notifikasi melalui SMS dari Bank Islam untuk **Kempen Bank Islam GoCash.**<br><br>**10/11/2021**<br>Beliau memohon GoCash berjumlah RM20,000 dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Visa beliau. | Beliau tidak layak untuk mendapat sebarang hadiah kerana transaksi yang dilakukan tidak menepati Mekanisma Kempen sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>***Nota:***<br>***Beliau tidak layak kerana kempen ini untuk Ahli Kad Mastercard sahaja*** |

11. Example of Cardmember's qualification for illustration:-

| CUSTOMER TRANSACTION / ACTIVITY | ELIGIBILITY STATUS |
|---|---|
| **Mr Mohan**<br><br>**03/11/2021**<br>Mr Mohan received notification via SMS from Bank Islam for **Bank Islam GoCash Campaign.**<br><br>**10/11/2021**<br>He applied GoCash amounting of RM3,500 using his Bank Islam Mastercard Credit Card-i.<br><br>**15/01/2022**<br>He applied another GoCash amounting of RM2,000 using his Bank Islam Mastercard Credit Card-i. | He is eligible for TruPoints 13,250 for his first transaction if he is among the first 300 Cardmembers who fulfills the Campaign Mechanic throughout the Campaign Period. |
| **Ms Zeenia**<br><br>**03/12/2021**<br>Ms Zeenia received notification via email from Bank Islam for **Bank Islam GoCash Campaign.**<br><br>**09/12/2021**<br>She applied GoCash amounting of RM8,000 using her Bank Islam Visa Credit Card-i.<br><br>**16/12/2021**<br>She applied another GoCashGoCash amounting of RM2,000 using her Bank Islam Mastercard Credit Card-i. | For her second transaction she is eligible the TruPoints 13,250 if she is among the first 300 Cardmembers who fulfills the Campaign Mechanic throughout the Campaign Period.<br><br>***Note:***<br>***She is not eligible for the first transaction as this campaign is for Mastercard Cardmembers only*** |
| **Mr Iklim**<br><br>**03/11/2021**<br>Mr Iklim received notification via SMS from Bank Islam for Bank Islam GoCash Campaign.<br><br>**10/11/2021**<br>He applied GoCash amounting of RM20,000 using his Bank Islam Visa Credit Card-i. | He is not eligible for any prize because the transaction made does not follow or is not in line with the Campaign Mechanic throughout the Campaign Period.<br><br>**Note:**<br>**He is not eligible as this campaign is for Mastercard Cardmembers only** |

| Pemilihan Pemenang | Selection of Winners |
|---|---|
| 12. Ahli Kad-i yang layak akan dimaklumkan melalui panggilan telefon / SMS / surat / emel / paparan atau siaran di laman sesawang Bank Islam atau melalui mana-mana kaedah komunikasi lain seperti yang diberitahu oleh Bank Islam.<br><br>13. Sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat yang tidak dipatuhi boleh menyebabkan penyingkiran Ahli Kad-i dari Kempen ini, dan Ahli Kad-i yang lain akan dipilih sebagai pemenang. | 12. Eligible Cardmember will be notified via phone calls / SMS / mail / email / display or broadcast in Bank Islam's website or through any other communication medium as communicated by Bank Islam.<br><br>13. Any Terms and Conditions that are not complied with can lead to disqualification of Cardmembers from this Campaign, and other Cardmembers will be selected as a winner. |
| **Syarat Am** | **General Conditions** |
| 14. Ahli Kad-i adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana Kempen kami.<br><br>15. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen kami, Ahli Kad-i mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Ahli Kad-i tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen tersebut.<br><br>16. Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Ahli Kad-i :<br><br>(a) akan membenarkan Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;<br><br>(b) akan bersetuju untuk pihak Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambarnya di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank Islam untuk tujuan Kempen ini (dimana berkenaan); dan<br><br>(c) akan bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Ahli Kad-i dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.<br><br>17. Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap di bawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kepada kedudukan kewangan mereka. | 14. Cardmembers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of our campaigns.<br><br>15. To participate in our campaigns, Cardmembers must fall within the Eligibility Criteria and fulfill the Campaign Mechanics. Unless stated otherwise by Bank Islam, Cardmembers are not required to sign up or fill up any application form to participate in the said campaigns.<br><br>16. By participating in this Campaign, the Cardmembers shall:<br><br>a) give consent for Bank Islam to disclose their personal data to Bank Islam's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign;<br><br>b) agree for Bank Islam to publish or display their names or photos in media, marketing or Bank Islam's website for the purpose of this Campaign (where applicable); and<br><br>c) agree to Bank Islam's decision on all matters relating to this Campaign, selection of winners and prizes via Bank Islam's generic draw engine shall be final, conclusive and binding on all Cardmembers and no further correspondence and/or appeal to dispute Bank Islam's decision shall be entertained.<br><br>17. Bank Islam accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winners. It is the responsibility of the winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations. |

| | |
|---|---|
| 18. Hadiah-hadiah di dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini (jika ada). | 18. The Campaign prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these Terms and Conditions (if any). |
| 19. Hadiah ini (di mana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam. | 19. The prize (where applicable) is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prize 'as it is' and must acknowledge that Bank Islam shall not be held responsible in the value of the prize due to the variation of prices in the market during the prize redemption/collection by the winners at the time stipulated by Bank Islam. |
| 20. Jika hadiah (di mana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank Islam di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang Bank Islam anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Ahli Kad-i sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh Bank Islam. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam. | 20. If the prize (where applicable) is not available for whatsoever reason, Bank Islam reserves the right to substitute the prize for any item at its absolute discretion of equivalent value or with any other items whichever Bank Islam deems appropriate upon Bank Islam issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Cardmembers from the date prize winner announcement is scheduled to be made by Bank Islam. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at Bank Islam's branches and/or websites. |
| 21. Para pemenang akan dihubungi oleh Bank Islam melalui telefon sekurang-kurangnya sebanyak tiga (3) panggilan telefon kepada para pemenang bagi mengatur pemungutan/penyerahan hadiah. Bank Islam akan menghubungi para pemenang melalui Nombor Telefon Bimbit, Nombor Telefon Pejabat atau Nombor Telefon Rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod Bank Islam. Sekiranya para pemenang gagal dihubungi, Bank Islam berhak untuk membuat cabutan baru/lain untuk Ahli Kad-i yang lain sebagai pemenang. Wakil para pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak mereka. | 21. All winners will be contacted by Bank Islam, i.e. via telephone with a minimum of three (3) phone calls to arrange for collection/delivery of the prizes. Bank Islam will contact the winners i.e. via the Mobile Number, Office Number or Residence Number as stated in Bank Islam's record. In the event the winners is unable to be contacted by Bank Islam, Bank Islam reserves the right to conduct new/another draw for any Cardmember to be the winner. No representative of the winners is allowed to collect the prize on behalf of them. |
| 22. Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut. | 22. Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony. |
| 23. Bagi mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara Bank Islam. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti. | 23. In compliance with the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA), Bank Islam shall protect the personal data of the customers. By participating in this Campaign, winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by Bank Islam as it deems fit for promotion or publicity purposes. |
| 24. Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau | 24. Bank Islam and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation on facts, and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the prize won |

| | |
|---|---|
| kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Ahli Kad-i yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan Ahli Kad-i dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini. | through this Campaign and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or sustained by the Winners caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with this Campaign or their participation in this Campaign or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/or as a result of any act or omission on the part of Bank Islam whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. Bank Islam shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond Bank Islam's |
| 25. Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh Bank Islam, tidak membolehkan Ahli Kad-i yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad-i samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. | 25. Bank Islam reserves the rights to amend, cancel, terminate or suspend this Campaign by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at Bank Islam's branches and/or websites. For the avoidance of doubt, amendment, cancellation, termination or suspension by Bank Islam of this Campaign shall not entitle the Cardmembers who participate in this Campaign to any claim or compensation against Bank Islam for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of amendment, cancellation, termination or suspension. |
| 26. Ahli Kad-i adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank Islam dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini. | 26. Cardmembers are advised to access Bank Islam's website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any changes or variation to the Terms and Conditions thereof. |
| 27. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit-i. Sekiranya ada di antara terma-terma dan Syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini. | 27. The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the Credit Card-i Terms and Conditions. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign. |
| 28. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad-i bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia. | 28. The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Cardmembers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia. |
| **Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di https://www.bankislam.com** | **For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre and Customer Care at 03 26 900 900 or visit our website at https://www.bankislam.com** |

---END OF DOCUMENT-